



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: (A) 100-4/10 Jld. 4 ()

Tarikh : 21 December 2020

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL 12 TAHUN 2020 GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN KERAJAAN NEGERI SABAH (ASET KERAJAAN)

1. TUJUAN

Pekeling ini adalah bertujuan untuk menerangkan berkenaan had nilai Aset dipermodalkan, Garispanduan bagi tujuan pengumpulan baki awal Aset, Pengiktirafan dan pengukuran Aset Khusus yang lain untuk tujuan Pelaksanaan Perakaunan Akruan di peringkat Kerajaan Negeri Sabah.

2. LATAR BELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Polisi Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (JKPPAK) yang bermesyuarat pada 18 November 2020 telah menetapkan beberapa polisi yang perlu dipatuhi oleh semua Kementerian/ Jabatan/ Pejabat Daerah dalam pelaksanaan perakaunan akruan. Ini bagi memastikan konsep perakaunan relevan itu dipatuhi dan dilaksanakan sepenuhnya semasa tempoh pelaksanaan perakaunan akruan. Maklumat adalah relevan kepada pengguna jika maklumat tersebut boleh digunakan bagi membantu dalam menilai peristiwa, masa kini atau masa hadapan atau untuk mengesahkan



“SABAH MAJU JAYA”



atau membetulkan penilaian lampau. Sesuatu maklumat itu dikatakan relevan sekiranya maklumat tersebut adalah tepat pada masanya.

3. HAD NILAI ASET DIPERMODALKAN

3.1 ASET HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bil. 7/2020 bertarikh 30 Jun 2020 telah menetapkan had nilai Aset Hartanah, Loji dan Peralatan yang dipermodalkan. Bagi memastikan had nilai Aset yang dipermodalkan adalah relevan bagi setiap Aset, pengecualian pematuhan had nilai Aset bagi *Aset Buku* di Perpustakaan Negeri Sabah berdasarkan fungsi dan peranan.

Oleh itu, *Aset Buku* hendaklah dipermodalkan sekiranya Kos atau Nilai Saksama *Aset Buku* tersebut bernilai RM500 bagi sebuah buku atau set buku dan ke atas (tertakluk kepada kajian semula pada masa hadapan). *Aset Buku* yang bernilai dibawah RM500 bagi sebuah buku atau set buku dikenali sebagai Aset Bernilai Rendah.

Semua Aset Bernilai Rendah hendaklah direkodkan sebagai belanja. Walau bagaimanapun, Aset tersebut hendaklah didaftar dalam daftar Aset bagi tujuan kawalan dan rekod.

3.2 ASET HARTANAH PELABURAN DAN ASET TAK KETARA

Aset Hartanah Pelaburan dan Aset Tak Ketara yang bernilai RM2,000 per item dan ke atas hendaklah dipermodalkan tertakluk kepada kajian semula pada masa hadapan. Aset Hartanah Pelaburan dan Aset Tak Ketara yang bernilai dibawah RM2,000 per item atau dikenali sebagai Aset Bernilai Rendah hendaklah dibelanjakan dan hendaklah didaftar dalam daftar Aset untuk tujuan kawalan dan rekod.

Bagi tujuan pengumpulan baki awal aset, nilai RM2,000 per item hendaklah merujuk nilai kos item tersebut sahaja tidak termasuk kos langsung untuk mendapatkan aset tersebut. Selepas memasuki tempoh peralihan nilai RM2,000 per item sebagai had permodalan adalah termasuk kos langsung mendapatkan Aset tersebut sehingga Aset boleh digunakan sepenuhnya bagi tujuan operasi atau pelaburan yang membawa manfaat ekonomi masuk ke dalam entiti.

3.3 PTJ INVENTORI

Kementerian/Jabatan yang bertanggungjawab mengendalikan inventori yang bernilai RM 500,000 atau lebih pada setiap akhir tahun untuk tiga tahun berturut-turut, hendaklah dikenali sebagai PTJ Inventori dan Inventori yang dikendalikan tersebut perlu dipermodalkan.

Manakala bagi perbelanjaan pembelian inventori yang dibelanjakan menggunakan Kumpulan Wang Kerajaan hendaklah diakaunkan dalam lejar Akaun Amanah Kerajaan.

4. PENGUMPULAN BAKI AWAL ASET

4.1 PENGOMPONEN ASET

Bagi pengumpulan baki awal aset, setiap bahagian daripada *item* Hartanah, Loji dan Peralatan, dengan kos yang signifinikan dengan jumlah kos item tersebut hendaklah tidak disusut nilai secara berasingan tetapi hendaklah dikumpulkan dalam penentuan caj susut nilai.

4.2 AKAUN BELUM TERIMA

Dalam penentuan baki awal Akaun Belum Terima, ianya hendaklah termasuk hasil yang diperoleh dan aman tersebut boleh diukur dengan pasti. Akaun

Belum Terima termasuk sebagai jumlah wang yang sepatutnya telah diterima oleh Kerajaan pada sesuatu ketika tetapi belum diterima berasaskan bil atau melalui dasar dan keputusan Kerajaan Negeri Sabah yang berkuatkuasa. Semua tunggakan hasil Kerajaan Negeri akan diakaunkan sebagai Akaun Belum Terima.

4.3 PINDAAN PENENTUAN NILAI ASET DIPERMODALKAN

Aset yang dipermodalkan bagi tujuan pengumpulan data baki awal hendaklah diukur pada Harga Kos. Walau bagaimanapun, sekiranya entiti tidak dapat mengenalpasti Harga Kos Aset tetapi mempunyai maklumat berkenaan tarikh pembelian atau pemilikan, Aset tersebut hendaklah diukur pada Nilai Saksama. Sehubungan itu, perenggan 4 pada Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bil.7 Tahun 2020 bertarikh 30 Jun 2020 yang berkaitan perkara ini adalah dimansuhkan.

5. PENGIKTIRAFAN DAN PENGUKURAN ASET KHUSUS YANG LAIN

5.1 ASET DALAM PEMBINAAN

Kos bagi Aset Dalam Pembinaan ditentukan menggunakan prinsip pengukuran kos adalah berdasarkan Nilai Saksama. Aset Dalam Pembinaan tidak disusut nilai semasa tempoh pembinaan. Apabila Aset sedia untuk digunakan, Aset Dalam Pembinaan hendaklah dikelaskan semula kepada kategori Hartanah, Loji dan Peralatan yang bersesuaian dan dicajkan Susut Nilai.

Bagi projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah yang memiliki Aset berkenaan dari segi perundangan tetapi Aset berkenaan dipindahkan kepada pihak ketiga selepas disiapkan, semasa tempoh pembinaan, Aset Dalam Pembinaan hendaklah dipermodalkan. Apabila Aset Dalam Pembinaan berkenaan siap dan dipindahkan kepada pihak ketiga, Aset Dalam Pembinaan dibelanjakan pada Lebihan atau Kurangan tahun semasa.

Bagi projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah seperti yang dikehendaki oleh perundangan tetapi Kementerian / Jabatan / Pejabat Daerah tidak mempunyai kawalan ke atas Aset berkenaan dan tidak mempunyai pemilikan dari segi perundangan, maka Aset Dalam Pembinaan hendaklah dibelanjakan sebagai pemberian kepada pihak ketiga.

5.2 ASET WARISAN

Aset Warisan hendaklah diukur pada Harga Kos. Walau bagaimanapun, sekiranya entiti tidak dapat mengenalpasti Harga Kos Aset tersebut, Aset Warisan tersebut hendaklah diukur pada Nilai Saksama. Jika Harga Kos dan Nilai Saksama tidak praktikal untuk ditentukan atas sebab tiada maklumat masa lampau, Aset tersebut hendaklah diukur pada Kos Nominal RM1. Aset Warisan hendaklah diiktiraf sekiranya diwartakan sebagai Warisan Negeri Sabah.

Sesetengah Aset Warisan mempunyai manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan masa hadapan selain daripada nilai warisannya, sebagai contoh, bangunan bersejarah yang digunakan untuk kegunaan pejabat. Dalam kes sebegini, Aset diiktiraf dan diukur dengan asas sama seperti *item* Hartanah, Loji dan Peralatan yang lain.

5.3 PEMILIKAN ASET KERAJAAN DI ATAS TANAH PIHAK KETIGA

Bangunan Kerajaan yang berdiri di atas Tanah Pihak Ketiga hendaklah diakaunkan sebagai harta tanah, loji dan peralatan atau aset pajakan jika pemilikan atau kawalan wujud terhadap bangunan tersebut.

Dalam menentukan sama ada kawalan atau pemilikan wujud, kriteria seperti berikut hendaklah dipertimbangkan:

- i. Aset dimiliki secara sah
- ii. Berdasarkan perjanjian atau bukan melalui perjanjian

- iii. Pentaksiran kawalan ke atas bangunan. Kerajaan mempunyai kawalan hanya akan wujud apabila ia memperolehi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan melalui penggunaan bangunan tersebut and boleh menghalang pihak lain memperolehi manfaat yang sama.
- iv. Risiko dan ganjaran. Risiko ialah kemungkinan kerugian daripada kapasiti idle, teknologi usang atau perubahan nilai disebabkan oleh perubahan dalam situasi ekonomi. Ganjaran ialah ekonomi dan keuntungan daripada penghargaan dalam bentuk nilai atau realisasi nilai baki.
- v. Sekiranya bayaran tanah telah dibuat:
 - (a) Sekirannya risiko dan ganjaran dipindahkan kepada kerajaan
 - (b) Tempoh pembayaran (sekaligus, bertempoh atau berkekalan)

6. PENUTUP

Semua Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah hendaklah memastikan pematuhan kepada Garis Panduan Polisi Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri Sabah. Sebarang pertanyaan berkaitan pekeliling ini boleh diajukan ke Seksyen Polisi dan Piawaian, Bahagian Perakaunan Akruan, Jabatan Bendahari Negeri di talian 088-368577.

Sekian dan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



MARY ANGELA SIPAUN C.A(M), FCPA(A), ASEAN CPA

Bendahari Negeri

s.k. Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 KOTA KINABALU

“SABAH MAJU JAYA”